

**HUBUNGAN KONSEP KENDIRI DENGAN
KEPIMPINAN DALAM KEGIATAN
KOKURIKULUM PELAJAR
SEKOLAH MENENGAH
DI DAERAH PAPAR**

**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

SARINAH BINTI HJ ABD SANI

Tesis ini dikemukakan untuk memperolehi Ijazah
Sarjana pengurusan Pendidikan

**SEKOLAH PENDIDIKAN
DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2007**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☐

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: _____

TARIKH: _____

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)_____
(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGAKUAN

Adalah diperakui bahawa karya ini merupakan hasil penyelidikan saya sendiri yang dijalankan di Sekolah Menengah Daerah Papar. Setiap nukilan atau ringkasan yang terdapat di dalam karya ini dijelaskan sumbernya sebagai menyatakan penghargaan dan terima kasih terhadap pihak-pihak terbabit.



SARINAH BTE HJ ABD SANI

04.06.2007

Tarikh



**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

Diterima dan disemak oleh Penyelia Penyelidikan dan diperakui sebagai memenuhi syarat kursus Sarjana Pengurusan Pendidikan bagi memperoleh Ijazah Sarjana Pengurusan Pendidikan Universiti Malaysia Sabah.

**DR. SABARIAH SHARIF
(Penyelia Penyelidikan)**

Tarikh

Penghargaan

Dengan nama Allah Yang Amat Pengasih lagi Amat Penyayang, Puji dan Syukur ke hadrat-Nya kerana dengan limpah kurnia serta izin-Nya jua, akhirnya saya dapat menyelesaikan disertasi sarjana ini dengan jayanya.

Kajian ilmiah ini tidak mungkin boleh disiapkan tanpa bantuan dari pelbagai pihak yang terlibat. Oleh itu, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan ikhlas dan terhutang budi kepada penyelia saya Dr. Sabariah Sharif yang telah menunjuk ajar, membimbing, memberikan nasihat, panduan dan kritikan yang membina. Kesudian beliau untuk melapangkan masa bagi membantu menyelesaikan penyelidikan ini amat saya sanjung tinggi.

Penghargaan dan rakaman terima kasih saya ucapkan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Sabah dan pihak sekolah yang memberi kebenaran kepada saya untuk menjalankan kajian ini. Seterusnya penghargaan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah Sarjana Pendidikan yang sudi memberikan tunjuk ajar untuk membimbing saya bagi menyiapkan disertasi ini. Terima kasih tak terhingga saya tujukan kepada semua rakan seperjuangan dan rakan setugas yang sudi menghulurkan bantuan, pengalaman, idea dan sokongan semasa tempoh pengajian sarjana di Universiti Malaysia Sabah.

Penghargaan yang paling istimewa saya ucapkan kepada kedua ibu bapa yang tercinta iaitu Allahyarhamah Hj Masniah Ahmad Zaini dan Allahyarham Hj Abd Sani Ag Damit yang semasa hidupnya sanggup berkorban untuk memastikan kejayaan anak-anaknya dan semoga roh mereka dicucuri rahmat, Amin. Tidak lupa buat ahli keluarga yang disayangi abang, kakak dan adik serta anak buah yang banyak memberikan sokongan yang padu sehingga saya berjaya ke tahap ini.

Sokongan yang telah diberikan menjadi tunjang untuk saya menyelesaikan penyelidikan dan pengajian ini dan hanya Allah S.W.T yang dapat membalas budi baik tersebut.

Terima kasih.

Sarinah Bt Hj Abd Sani
Sarjana Pengurusan Pendidikan
Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Sabah.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi tujuan untuk melihat hubungan konsep sendiri pelajar dengan kepimpinan pelajar dalam kegiatan kokurikulum dalam kalangan pelajar tingkatan 4 daripada tiga buah sekolah di Daerah Papar. Kajian ini dibuat bagi (1)menentukan perbezaan dalam konsep sendiri pelajar berdasarkan jantina, (2)mengenalpasti hubungan antara konsep sendiri pelajar dengan kepimpinan pelajar, (3)mengenalpasti hubungan antara konsep sendiri pelajar dengan kegiatan kokurikulum iaitu kegiatan persatuan/kelab, kegiatan sukan/permainan dan kegiatan unit beruniform, (4)mengenalpasti hubungan antara kepimpinan pelajar dengan kegiatan kokurikulum iaitu kegiatan persatuan/kelab, sukan/permainan dan unit beruniform. Sampel kajian melibatkan seramai 161 orang responden. Data diperolehi melalui soal selidik. Data dianalisis menggunakan program *SPSS for Windows Version 13.0*. Data-data yang diperolehi dianalisis menggunakan korelasi Pearson 'r' dan ujian-t. Keputusan kajian menunjukkan bahawa; Ho1 tidak terdapat perbezaan konsep sendiri pelajar berdasarkan jantina, Ho2 terdapat hubungan positif antara konsep sendiri pelajar dengan kepimpinan pelajar, Ho3 terdapat hubungan yang positif antara konsep sendiri pelajar dengan kegiatan kokurikulum, Ho4 menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara kepimpinan pelajar dengan kegiatan kokurikulum, Ho5, Ho6 dan Ho7 menunjukkan terdapat hubungan antara konsep sendiri pelajar dengan kegiatan persatuan, sukan dan unit beruniform, Ho8 dan Ho10 menunjukkan terdapat hubungan antara kepimpinan pelajar dengan kegiatan kelab dan unit beruniform. Tetapi bagi Ho9 menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan ($p=0.140$, $k>0.05$) antara kepimpinan pelajar dengan kegiatan sukan/permainan kerana pelajar yang mengikuti permainan berkumpulan lebih mengutamakan kerjasama dalam kumpulan iaitu *teamwork* berbanding kepimpinan individu. Hasil kajian ini mendapati konsep sendiri pelajar dengan kepimpinan pelajar dalam kegiatan kokurikulum saling berkait. Perkembangan konsep sendiri pelajar melalui penglibatan dalam kegiatan kokurikulum di sekolah merupakan satu petunjuk atau petanda yang baik ke arah keberkesanan objektif dan matlamat kegiatan kokurikulum ini.

ABSTRACT

THE RELATION OF SELF CONCEPT TO LEADERSHIP IN CO CURRICULAR ACTIVITIES AMONG SECONDARY SCHOOL STUDENTS IN PAPAR DISTRICT

This study is carried out to see the relationship between self concept with students' leadership in Co Curricular activities among form four students in three schools in Papar district. The objectives of this study are to (1) determine the differences in students' self concept based on sexes, (2) identify the relationship between students' self concept and the leadership, (3) identify the relationship between students' self concept and the co curricular activities which are clubs/societies, sport/games and uniform units activities, and (4) identify the relationship between students' leadership with their co curricular activities which are clubs/societies, spots/games and uniform units activities. The sample of the study involves 161 respondents. The data is derived from questionnaires. The data is analysed using SPSS for Windows Version 13.0 programmed. The data is then analysed using 'r' correlation and t-Test. The results shows that : in Ho1 there is no differences in students' self concept based on sexes, In Ho2 there is a positive relationship between students' self concept and students' leadership, in Ho3 there is a positive relationship between students' self concept and their co curricular activities, in Ho4 there is a positive relationship between students' leadership with their co curricular activities, Ho5, Ho6 and Ho7 show that there are positive relationship between students' self concept with their societies, sports and uniform units activities, Ho8 and Ho10 show that there are relationship between students' leadership with clubs and uniform units activities. However Ho9 shows that there is no significant relationship ($p=0.140$, $k.0.05$) between students' leadership with games/sports because students playing in groups give priority to teamwork rather than individual leadership. The findings show that students' self concept and students' leadership in co curricular activities are related to each other. The development of students' self concept through their involvement in school co curricular activities is a good touch stone to determine the effectiveness of the objectives and aims of the co curricular activities themselves.

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
<i>ABSTRACT</i>	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Soalan Kajian	9
1.5	Tujuan Kajian	11
1.6	Objektif Kajian	12
1.7	Hipotesis Kajian	13
1.8	Kepentingan Kajian	14
1.9	Batasan Kajian	15
1.10	Definisi Operational	16
	1.10.1 Konsep sendiri pelajar	16
	1.10.2 Kepimpinan Pelajar	16
	1.10.3 Kegiatan Kokurikulum	17

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	18
2.2	Falsafah Kegiatan Kokurikulum	18
2.3	Matlamat Kegiatan Kokurikulum	19
2.4	Konsep Kepimpinan	24
2.5	Konsep Kepimpinan Pelajar	27
2.6	Teori Kepimpinan	28
2.7	Konsep Kendiri	31
2.8	Teori Konsep Kendiri	34
2.9	Tinjauan Kajian Lepas	37
2.10	Kerangka Kajian	54

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	55
3.2	Rekabentuk Kajian	55
3.3	Populasi, Pemilihan Sampel dan Lokasi	57
3.4	Instrumen Kajian	58
3.5	Kebolehpercayaan dan Kesahan	60
3.6	Tatacara Pelaksanaan Kajian	61
3.7	Penganalisaan Data Berdasarkan Alat Statistik	62
3.8	Jenis Analisa Dan Alatan Kajian	63

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	64
4.2	Profail Demografi Responden	65
4.3	Pengujian Hipotesis	66
4.3.1	Perbezaan sendiri pelajar berdasarkan jantina	66
4.3.2	Hubungan antara konsep sendiri dengan kepimpinan Pelajar	67
4.3.3	Hubungan antara konsep sendiri pelajar dengan kegiatan kokurikulum	68
4.3.4	Hubungan antara kepimpinan pelajar dengan kegiatan kokurikulum	69
4.3.5	Hubungan antara konsep sendiri pelajar dengan kegiatan pesatuan/kelab	70
4.3.6	Hubungan antara konsep sendiri pelajar dengan kegiatan sukan/permainan	71
4.3.7	Hubungan antara konsep sendiri pelajar dengan kegiatan unit beruniform	72
4.3.8	Hubungan antara kepimpinan pelajar dengan kegiatan persatuan/kelab	73
4.3.9	Hubungan antara kepimpinan pelajar dengan kegiatan sukan/permainan	73
4.3.10	Hubungan antara kepimpinan pelajar dengan kegiatan unit beruniform	74
4.4	Rumusan Keputusan Analisis Hipotesis Nul	76

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	77
5.2	Rumusan Kajian	77
5.3	Perbincangan	81
5.3.1	Perbezaan sendiri pelajar berdasarkan jantina	81
5.3.2	Hubungan antara konsep sendiri dengan kepimpinan pelajar	82
5.3.3	Hubungan antara konsep sendiri pelajar dengan kegiatan kokurikulum	83
5.3.4	Hubungan antara kepimpinan pelajar dengan kegiatan kokurikulum	84
5.3.5	Hubungan antara konsep sendiri pelajar dengan kegiatan pesatuan/kelab	85
5.3.6	Hubungan antara konsep sendiri pelajar dengan kegiatan sukan/permainan	86
5.3.7	Hubungan antara konsep sendiri pelajar dengan kegiatan unit beruniform	87
5.3.8	Hubungan antara kepimpinan pelajar dengan kegiatan persatuan/kelab	88
5.3.9	Hubungan antara kepimpinan pelajar dengan kegiatan sukan/permainan	89
5.3.10	Hubungan antara kepimpinan pelajar dengan kegiatan unit beruniform	90
5.4	Cadangan Hasil Kajian	91
5.5	Penutup	93

BIBLIOGRAFI	96
--------------------	----

LAMPIRAN

SENARAI RAJAH

No Rajah	Tajuk Rajah	Muka Surat
Rajah 2.1	Model Teori Konsep Kendiri Shavelson	36
Rajah 2.2	Kerangka Kajian	54



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Falsafah Pendidikan Kebangsaan menyarankan pembentukan individu yang rasional, harmonis dan seimbang serta kukuh dalam perkembangan jasmani, emosi, rohani dan intelektualnya. Bidang akademik sahaja tidak sepatutnya menjadi tumpuan utama di peringkat persekolahan dalam usaha untuk membentuk individu yang sepadu. Oleh itu melalui penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum turut membantu merealisasikan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan ini. Kegiatan kokurikulum merupakan satu bidang pembelajaran yang berasaskan aktiviti yang terancang. Aktiviti dalam kegiatan kokurikulum ini merupakan lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah (Abd Alim, 1999). Melalui penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum, dapat membantu pelajar untuk mengukuhkan pengalaman belajar dan keyakinan diri.

Penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum adalah perlu berasaskan tanggapan bahawa semua pelajar harus mempunyai keseimbangan antara mental dengan perkembangan sosial, jasmani dan rohani. Semua pelajar mempunyai minat dan bakat yang boleh diperkembangkan termasuklah sahsiah dan bakat kepimpinan.

Pada hakikatnya keperibadian kepimpinan tidak dapat dibentuk dengan setakat menyeru supaya orang mengubah sikap, diajar secara tidak formal apatah lagi mengharapkan pelajar itu memperolehinya secara tersendiri. Negara sudah pasti mahu

melahirkan sebanyak mungkin insan yang mempunyai kekuatan jati diri, tinggi penghormatan sendiri, berani menonjolkan diri, sedia mendisiplinkan diri dalam apa situasi sekali pun dan cintakan negara hanya boleh dibentuk melalui latihan formal kepimpinan yang dirancang secara berkesan (Mohd Daud, 2001).

Untuk membina daya kepimpinan dalam diri seseorang pelajar, konsep sendiri pelajar perlu dibangunkan dan sekaligus akan membangunkan peribadi yang cekap dan mampu bertindak serta berfikir walaupun dalam persekitaran sosial dan fizikal yang berubah-ubah. Konsep sendiri yang tinggi membentuk pencapaian sendiri yang tinggi, di mana ia terdiri daripada ciri-ciri diri yang positif dan dapat menyumbang kepada pembentukan ciri kepimpinan di dalam diri remaja (McCulloch, 1994). Pandangan pelajar mengenai diri pada masa kini belum dapat dibanggakan (Jaafar Sidek, 2007). Tidak ramai pelajar membudayakan konsep 'pengiklanan diri' iaitu dapat menyatakan dengan spesifik tentang matlamat hidup, cita-cita, keperluan, perasaan, kebolehan, perancangan dan kemahiran diri mereka (Amin Johari, 1995).

1.2 Latar Belakang Kajian

Pembinaan konsep sendiri pelajar adalah amat penting dan perlu dimulakan paling awal di sekolah rendah lagi (Amin Johari, 1995). Melalui pembinaan konsep sendiri seterusnya dapat membantu pembinaan bakat kepimpinan pada diri pelajar. Ini dapat melahirkan pelajar yang berkualiti, berdaya tahan diri, yakin diri, mempunyai daya maju diri yang tinggi dan sanggup bersaing, dinamik, kental serta mempunyai matlamat diri yang jelas untuk mencapai cita-cita diri, masyarakat dan negara seterusnya tidak mudah dipengaruhi dengan perkara-perkara yang negatif.

Oleh yang demikian setiap individu harus menganggap diri mereka memiliki ciri-ciri yang baik sebab bertitik tolak dari situlah seseorang itu akan membawa kepada penerimaan konsep sendiri dan mempunyai pandangan hidup yang lebih nyata dan yakin terhadap diri sendiri. Sebaliknya jika seseorang itu memiliki konsep sendiri yang negatif, akan menyebabkan seseorang itu mudah putus asa dan tidak dapat mengikuti sebarang aktiviti terutamanya kegiatan kokurikulum dan ia akan cenderung untuk membentuk tingkah laku yang kurang baik. Oleh itu melalui konsep sendiri yang tinggi secara tidak langsung mempermudah lagi penerapan nilai-nilai kepimpinan dalam diri pelajar di sekolah.

Sebenarnya kepimpinan sebagai ketua kelas dan tingkatan hanya berfungsi sebagai menghormati kehadiran guru atau pengetua, menyambung tugas guru yang tiada dalam kelas, mengambil peralatan untuk pengajaran dan memastikan bilik darjah sentiasa bersih. Tugas ini dan kepimpinan ini terus berbentuk tradisional dan akhirnya pelajar bosan dan tidak banyak yang dipelajari dengan menjadi pemimpin.

Begitu juga halnya jika pelajar dilantik menganggotai badan pengawas sekolah. Tidak banyak yang mereka pelajari ketika menjadi pengawas. Mungkin pihak sekolah pernah menyediakan kursus kepimpinan kepada pengawas ini semasa mereka membantu pihak sekolah mengendalikan hal-hal disiplin sekolah. Namun begitu hanya segelintir yang dapat manfaat daripada kursus tersebut (Mashitah, 1995).

Dalam hal ini, bakat kepimpinan pelajar boleh diasah dari awal lagi iaitu pada peringkat persekolahan. Anggapan bahawa remaja hari ini adalah pemimpin masa esok dan bahawa setiap orang mempunyai kebolehan untuk memimpin patutlah dibentuk seawal mungkin. Pendidikan kepimpinan seharusnya diserapkan ke dalam kurikulum

atau kokurikulum. Menurut Adnan (1989) menyatakan bahawa aktiviti kokurikulum dapat mengukuhkan sendiri pelajar melalui pengetahuan yang dipelajari di bilik darjah, mengeratkan hubungan antara pelajar dengan sekolah, mengisi masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah, membentuk kesedaran tentang pemilihan kerjaya dan membantu membina sikap yakin diri dan berdikari. Secara tidak langsung melalui penglibatan pelajar dalam aktiviti-aktiviti kegiatan kokurikulum dapat mengasah bakat kepimpinan pelajar.

Md Idris (1985) berpendapat, aktiviti kokurikulum boleh membangunkan sendiri pelajar kerana ia merupakan latihan awal bagi pelajar-pelajar untuk menjadi pemimpin yang berwibawa pada masa depan. Beliau menjelaskan bahawa apabila pelajar melibatkan diri secara aktif dalam kegiatan kokurikulum, ia dapat memperkembangkan kematangan berfikir, memperolehi kemahiran baru, lebih bersikap toleransi, lebih bertanggungjawab dan yakin pada kebolehan diri sendiri.

Kegiatan kokurikulum ini merupakan salah satu cabang pembelajaran yang berasaskan aktiviti sekolah yang terancang melibatkan pelajar secara langsung. Menurut Faridah (1986), kokurikulum melibatkan aktiviti-aktiviti dan pengalaman pembelajaran yang dirancang dan dibimbing oleh pihak sekolah supaya ia mencapai sesuatu objektif yang tertentu. Kebanyakan sekolah membahagikan aktiviti kokurikulum kepada tiga kumpulan iaitu persatuan dan kelab, unit beruniform dan permainan sukan.

Ini menunjukkan bahawa kegiatan kokurikulum pada hari ini bukan sahaja sebagai cabang kurikulum tetapi merupakan sebahagian kurikulum yang mempunyai peranan yang sangat penting dalam membangunkan konsep sendiri pelajar. Aktiviti kokurikulum boleh dilaksanakan dengan baik jika guru-guru diberikan latihan yang

secukupnya di institut perguruan dan di universiti. Melalui aktiviti kokurikulum boleh membangunkan sendiri pelajar kerana ia merupakan latihan awal bagi pelajar-pelajar untuk menjadi pemimpin yang berwibawa pada masa depan. Mereka menjelaskan bahawa apabila pelajar melibatkan diri secara aktif dalam kegiatan kokurikulum, ia dapat memperkembangkan kematangan berfikir, memperolehi kemahiran baru, lebih bersikap toleransi, lebih bertanggungjawab dan yakin pada kebolehan diri sendiri.

Menurut Awang Had Salleh (1985) menerangkan bahawa kokurikulum sebelum ini dipanggil "*extra-curriculum*" iaitu program pendidikan yang terletak di luar ruang lingkup pendidikan yang "sebenar". Akibat daripada perkembangan pendidikan akhirnya pakar-pakar pendidikan menganggap bahawa program "*extra-curriculum*" sebenarnya adalah penting dalam membina sahsiah yang seimbang bagi setiap pelajar. Oleh itu bagi membentuk sahsiah yang seimbang, konsep sendiri pelajar yang positif dapat membantu merealisasikannya dan seterusnya dapat memperkembangkan bakat kepimpinan dalam diri pelajar.

Kepimpinan memainkan peranan yang sangat penting bagi menentukan kelicinan, kecekapan dan keberkesanan pengurusan sesebuah organisasi sekolah. Perkembangan pesat dunia pendidikan pada hari ini telah menjadikan organisasi pendidikan berubah kepada hala tuju yang baru. Sekolah menengah dan rendah di negara ini umpamanya telah mengalami dan menghadapi berbagai perubahan dari segi kurikulum, kaedah pengajaran dan kegiatan kokurikulum sebagai usaha dan persediaan untuk menyahut cabaran dunia pendidikan yang semakin pesat berkembang. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab bersama untuk mencungkil bakat kepimpinan remaja sekarang untuk generasi akan datang.

1.3 Pernyataan Masalah

Penglibatan pelajar dalam kokurikulum boleh membawa kesan positif ke atas perkembangan psikologi remaja, peningkatan prestasi akademik, mengurangkan masalah disiplin dan mengurangkan masalah sosial. Walau bagaimanapun semua ini bergantung kepada konsep sendiri pelajar terhadap penglibatan mereka dalam kegiatan kokurikulum. Konsep sendiri yang positif dapat menentukan penerimaan yang positif kepada pelajar dan jika konsep sendiri yang negatif, penerimaan pelajar terhadap penglibatan mereka dalam kegiatan kokurikulum adalah negatif (Jaafar Sidek, 2007).

Kokurikulum adalah sebahagian daripada kurikulum sekolah yang penting dalam memberi sumbangan terhadap penyuburan fizikal, mental, emosi dan sosial pelajar (Abd Alim, 1999). Dengan kata lain kokurikulum ini meliputi segala bidang pergerakan persatuan, permainan sukan dan aktiviti unit beruniform serta perkara-perkara lain yang membantu pendidikan formal. Sikap atau penerimaan pelajar terhadap kegiatan kokurikulum yang mereka ikuti perlu lebih telus dan ikhlas. Ini adalah kerana jika pelajar mengambil sikap sekadar melepaskan batuk di tangga, maka objektif sebenar kegiatan kokurikulum tidak akan tercapai. Oleh itu konsep sendiri pelajar terhadap kegiatan kokurikulum perlu lebih telus.

Menurut Rogers, 1951 (dalam Amin Johari, 1995), kesempurnaan konsep sendiri merupakan kuasa dorongan dan motivasi individu yang asas. Kesempurnaan konsep sendiri menjadikan manusia itu lebih cenderung membina segala kemampuan di samping mengembangkan potensinya (Rogers, 1951). Oleh itu apabila pengalaman yang dianggap tidak selaras dengan konsep sendiri itu akan membawa kepada ketegangan,

perasaan terhadap dirinya terancam dan dengan itu berlaku kekeliruan (Amin Johari, 1995). Konsep imej sendiri seseorang pelajar akan ikut terancam dan akan menyebabkan ketidakselarasan psikologinya. Apabila konsep sendiri pelajar lebih positif maka penerimaan kendirinya menjadi positif terhadap sebarang penglibatannya dengan persekitaran termasuklah penglibatan dalam kegiatan kokurikulum.

Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Salmah (1992) tentang keberkesanan rancangan kokurikulum di Universiti Sains Malaysia (USM) mendapati bahawa penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum mempengaruhi kualiti kepimpinan, pembabitan kecergasan, kemahiran dan rekreasi, perhubungan ras dan sosial, aspirasi dan prestasi akademik serta pengawalan sendiri dan penentuan corak masa depan pelajar. Menurut beliau, aktiviti kokurikulum boleh melatih pelajar mengawal konsep sendiri pelajar dan memupuk rasa sejahtera dan ingin berjaya.

Walaupun penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum dapat mempengaruhi kualiti kepimpinan pelajar, tetapi tidak semestinya pelajar yang aktif dalam kegiatan kokurikulum itu mempunyai konsep sendiri yang positif dan mempunyai kualiti kepimpinan yang baik. Terdapat pelajar yang bergiat aktif dalam kegiatan kokurikulum bermula daripada tingkatan satu lagi, tetapi nilai-nilai kepimpinan tidak banyak yang diperolehinya.

Berdasarkan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang mengkehendaki seseorang insan itu dapat memanfaatkan ilmu ke arah kecemerlangan diri dan mampu pula memberikan sumbangan kepada masyarakat serta negara, pengisian matlamat tersebut bukan sahaja bergantung kepada kurikulum tetapi juga kokurikulum sebagai pelengkapanya. Oleh itu konsep sendiri pelajar perlu dibangunkan melalui penglibatan

mereka dalam kegiatan kokurikulum. Persoalannya ialah adakah kegiatan kokurikulum yang diwajibkan kepada semua pelajar di sekolah menengah dapat membangunkan sendiri pelajar? Jika sendiri pelajar dapat dibangunkan melalui penglibatan mereka dalam kegiatan kokurikulum adakah ciri-ciri kepimpinan dapat diwujudkan dalam diri pelajar? Terdapat tiga jenis kegiatan kokurikulum yang mesti disertai oleh pelajar, jadi adakah ketiga-tiga jenis kegiatan kokurikulum ini dapat mempertingkatkan konsep sendiri pelajar dan seterusnya membantu menyemai ciri kepimpinan pelajar?

Kegiatan kokurikulum merupakan aktiviti yang diwajibkan kepada semua pelajar sekolah menengah dari tingkatan satu sehingga tingkatan enam, tetapi masalahnya adakah nilai-nilai kepimpinan dapat ditanam dalam diri pelajar sepanjang penglibatan mereka dalam kegiatan kokurikulum. Kita tidak tahu sejauh mana penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum ini dapat mempertingkatkan konsep sendiri pelajar dan seterusnya dapat menerapkan nilai-nilai kepimpinan yang berkualiti dalam diri pelajar.

Ketiga-tiga jenis kegiatan kokurikulum iaitu kelab/persatuan, sukan/permainan dan unit beruniform sememangnya diwajibkan kepada semua pelajar untuk mengikuti ketiga-tiga jenis kegiatan kokurikulum ini. Walau bagaimanapun tidak semua kegiatan kokurikulum ini benar-benar diminati pelajar dan dapat mempertingkatkan konsep sendiri mereka. Tahap penglibatan pelajar juga berbeza untuk ketiga-tiga kegiatan ini. Terdapat pelajar yang hanya aktif dalam kelab/persatuan sahaja dan sebaliknya, tetapi tidak semestinya pelajar yang aktif mempunyai konsep sendiri dan daya kepimpinan yang baik.

Oleh itu kajian ini dibuat bagi melihat tentang konsep sendiri pelajar dan kepimpinan pelajar melalui penglibatan mereka dalam kegiatan kokurikulum.

Sejauhmanakah wujudnya hubungan konsep sendiri pelajar yang mengikuti kegiatan kokurikulum ini dengan nilai-nilai kepimpinan pelajar. Ini adalah kerana lazimnya hanya pelajar-pelajar yang dipilih sebagai ketua seperti pengawas, ketua kelas, ketua pelajar, pengerusi, naib pengerusi bagi setiap kegiatan kokurikulum sahaja yang dapat menonjolkan sikap kepimpinan mereka. Tetapi sebahagian besar pelajar yang lainnya, tidak berpeluang menunjukkan sikap kepimpinan mereka. Oleh itu diharap melalui penglibatan mereka dalam kegiatan kokurikulum dapat mempertingkatkan konsep sendiri mereka dan nilai-nilai kepimpinan dapat disemai dalam diri pelajar tersebut.

Permasalahan yang ingin dikemukakan dalam kajian ini ialah ,

- i. Adakah kegiatan kokurikulum yang diwajibkan kepada semua pelajar di sekolah menengah dapat membangunkan sendiri pelajar?
- ii. Jika sendiri pelajar dapat dibangunkan melalui penglibatan mereka dalam kegiatan kokurikulum adakah ciri-ciri kepimpinan dapat diwujudkan dalam diri pelajar?
- iii. Adakah ketiga-tiga jenis kegiatan kokurikulum ini dapat mempertingkatkan konsep sendiri pelajar dan seterusnya membantu menyemai ciri kepimpinan pelajar?

1.4 Soalan Kajian

Walaupun ramai pelajar yang mengakui kepentingan kegiatan kokurikulum di sekolah-sekolah namun pada hakikat sebenar keberkesanan objektif kegiatan kokurikulum bagi melahirkan pelajar yang mempunyai sahsiah yang seimbang belum dapat dikenal pasti. Apatah lagi untuk membentuk pelajar-pelajar menjadi seorang pemimpin melalui penglibatan mereka dalam kegiatan kokurikulum. Dalam hal ini, penyelidik ingin mengenal pasti tentang konsep sendiri pelajar terhadap kegiatan kokurikulum dapat

membantu menerapkan ciri-ciri kepimpinan yang berkesan pada sahsiah pelajar. Perkara utama yang dikaji ialah melihat hubungan antara sendiri pelajar terhadap kegiatan kokurikulum dengan kepimpinan pelajar. Terdapat 10 soalan kajian yang perlu dikaji iaitu,

- i. Adakah terdapat perbezaan konsep sendiri pelajar lelaki dan pelajar perempuan yang mengikuti kegiatan kokurikulum?
- ii. Adakah terdapat hubungan antara konsep sendiri dengan kepimpinan pelajar?
- iii. Adakah terdapat hubungan antara konsep sendiri dengan kegiatan kokurikulum?
- iv. Adakah terdapat hubungan antara kepimpinan pelajar dengan kegiatan kokurikulum?
- v. Adakah terdapat hubungan konsep sendiri pelajar dengan kegiatan persatuan/kelab?
- vi. Adakah terdapat hubungan konsep sendiri pelajar dengan kegiatan sukan/permainan?
- vii. Adakah terdapat hubungan konsep sendiri pelajar dengan kegiatan unit beruniform?
- viii. Adakah terdapat hubungan kepimpinan pelajar dengan kegiatan persatuan/kelab?
- ix. Adakah terdapat hubungan kepimpinan dengan kegiatan unit beruniform?
- x. Adakah terdapat hubungan kepimpinan dengan kegiatan sukan dan permainan?

Menurut Che Wan Mohd Amil (1991), di negara kita kesedaran terhadap betapa penting menyediakan anak-anak muda supaya mempunyai sikap yang bertanggungjawab telah lama wujud dan direalisasikan dengan usaha-usaha dipelbagai peringkat termasuk sekolah, IPTA. Walau bagaimanapun usaha terhalang dengan

kurangnya penglibatan secara aktif dari pelajar kerana terpengaruh dengan pendapat yang menganggap bahawa penyertaan dalam kokurikulum tidak mendatangkan faedah.

Menurutnya lagi daya kepimpinan yang tinggi merangkumi beberapa sifat positif supaya individu mampu hadapi sebarang masalah, berupaya membuat keputusan dalam sebarang situasi (Mashitah, 1995). Sifat-sifat sendiri pelajar ini tidak lahir secara semula jadi dalam diri seseorang sebaliknya diperolehi melalui latihan-latihan yang berterusan (Amin Johari, 1995). Pelajar yang aktif dalam aktiviti kokurikulum lebih berpeluang tinggi memiliki sifat-sifat kepimpinan positif. Melalui latihan-latihan yang berterusan dalam kegiatan kokurikulum, sifat tersebut akan terbentuk dalam sendiri pelajar itu sendiri (Mashitah, 1995).



1.5 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menyelidik hubungan antara konsep sendiri pelajar yang mengikuti kegiatan kokurikulum yang dijalankan di sekolah dengan daya kepimpinan pelajar. Kegiatan kokurikulum dikategorikan kepada tiga bidang iaitu bidang kelab dan persatuan, bidang permainan dan sukan dan bidang badan beruniform.

1.6 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk memberikan tumpuan kepada permasalahan berikut:

- i. Menenal pasti terdapat perbezaan konsep sendiri pelajar lelaki dan pelajar perempuan yang mengikuti kegiatan kokurikulum.
- ii. Menenal pasti terdapat hubungan antara konsep sendiri pelajar dengan kepimpinan pelajar
- iii. Menenal pasti terdapat hubungan antara konsep sendiri pelajar dengan kegiatan kokurikulum
- iv. Menenal pasti terdapat hubungan antara kepimpinan pelajar dengan kegiatan kokurikulum.
- v. Menenal pasti terdapat hubungan konsep sendiri pelajar dengan kegiatan persatuan/kelab.
- vi. Menenal pasti terdapat hubungan konsep sendiri pelajar dengan kegiatan sukan/permainan.
- vii. Menenal pasti terdapat hubungan antara konsep sendiri pelajar dengan kegiatan unit beruniform.
- viii. Menenal pasti terdapat hubungan antara kepimpinan pelajar dengan kegiatan persatuan/kelab.
- ix. Menenal pasti terdapat hubungan antara kepimpinan pelajar dengan kegiatan sukan/permainan.
- x. Menenal pasti terdapat hubungan antara kepimpinan dengan kegiatan unit beruniform.

1.7 Hipotesis Kajian

Berdasarkan tajuk kajian dan huraian di atas, pengkaji membuat beberapa hipotesis Nul,

- H₀₁ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam konsep sendiri pelajar lelaki dengan pelajar perempuan yang mengikuti kegiatan kokurikulum.
- H₀₂ Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara konsep sendiri pelajar dengan kepimpinan pelajar.
- H₀₃ Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara konsep sendiri pelajar dengan kegiatan kokurikulum.
- H₀₄ Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kepimpinan pelajar dengan kegiatan kokurikulum.
- H₀₅ Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sendiri pelajar dengan kegiatan persatuan/kelab
- H₀₆ Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara konsep sendiri pelajar dengan kegiatan sukan/permainan.
- H₀₇ Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara konsep sendiri pelajar dengan kegiatan unit beruniform.
- H₀₈ Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kepimpinan dengan kegiatan persatuan/kelab.
- H₀₉ Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kepimpinan dengan sukan/permainan.
- H₀₁₀ Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kepimpinan pelajar dengan kegiatan unit beruniform.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kerana ia dapat memberikan gambaran sebenar pelajar terhadap kegiatan kokurikulum. Maklumat ini merupakan alat yang berguna bagi ahli perancang pendidikan untuk mewujudkan panduan berdasarkan kenyataan dan tidak lagi bertindak melalui andaian yang tidak berasas.

Maklumat yang diberikan daripada kajian ini diharapkan dapat memberi senario sebenar kepada ibubapa dan masyarakat tentang kesan kegiatan kokurikulum ke atas kepimpinan pelajar di sekolah. Hasil kajian ini diharap dapat menjadi panduan kepada pihak-pihak tertentu iaitu,

- 1.8.1 Pihak pentadbir sekolah, Penolong Kanan HEM, Penolong Kanan kokurikulum bagi melaksanakan kegiatan kokurikulum kepada pelajar-pelajar.
- 1.8.2 Guru Bimbingan Kaunseling bagi menghadapi sikap pelajar terhadap kegiatan kokurikulum terutama dalam membentuk sikap kepimpinan pada diri pelajar.
- 1.8.3 Guru penasihat kokurikulum dapat merancang dan melaksanakan aktiviti kokurikulum.
- 1.8.4 Ibubapa dapat menyedari kepentingan aktiviti kokurikulum dan memberikan kerjasama dengan pihak sekolah.
- 1.8.5 Pelajar-pelajar dapat memberikan kesedaran tentang kepentingan untuk menyertai kegiatan kokurikulum dan mempertingkatkan lagi kelayakan mereka untuk masuk ke IPTA.
- 1.8.6 Masyarakat setempat - supaya memandang secara positif terhadap kegiatan kokurikulum dan turut sama memberikan galakan kepada pelajar.